

2017 UPSR BAHASA MELAYU – TIPS TAMBAHAN –

ULASAN 1



Kita mestilah menjaga kebersihan diri agar hidup dengan sihat tanpa penyakit. Beberapa tindakan perlulah dilakukan. Kita hendaklah membuang sampah di tempat yang disediakan. Buang sampah di dalam tong sampah terutama di tempat awam. Sekiranya kita mengalami selesema dan batuk, tutup hidung dan mulut. Ini dapat mengelak daripada menjangkiti orang lain. Kita juga disarankan tidak meludah di merata-rata. Perbuatan ini bukan sahaja mengotorkan kawasan sekitar tetapi akan menyebabkan kuman merebak. Di samping itu, jangan batuk dan bersin di hadapan makanan. Ini akan menyebabkan makanan tercemar. Oleh itu, kita harus membudayakan amalan kebersihan diri supaya dapat menjalani kehidupan yang sihat.

ULASAN 2



Antara faedah membaca ialah kita dapat mengisi masa lapang. Masa tidak dibazirkan begitu sahaja dan akan menghilangkan rasa bosan. Dengan membaca, kita dapat menambahkan ilmu pengetahuan. Contohnya, murid-murid yang banyak membaca boleh menambah dan memperluas kosa kata. Seterusnya dapat menulis karangan yang baik. Di samping itu, kita dapat mengetahui isu-isu semasa dalam dan luar negara dengan membaca surat khabar, majalah atau buku. Kesimpulannya, membaca banyak memberi faedah kepada kita semua. Marilah kita membudayakan amalan membaca supaya dapat meningkatkan ilmu pengetahuan kita.

ULASAN 3



Pencemaran alam sekitar yang berlaku boleh mendatangkan banyak penyakit kepada manusia. Antaranya penyakit asma, denggi dan sebagainya. Selain itu, pencemaran alam sekitar juga menyebabkan bencana alam. Bencana alam seperti banjir kilat berpunca daripada kegiatan pembuangan sampah ke dalam sungai hingga menyebabkan pengaliran air sungai ke laut terhalang. Pencemaran alam sekitar turut menjejaskan sektor pertanian negara. Hasil pertanian didapati semakin menurun dan kualitasnya pula menjadi kurang baik. Kesimpulannya, semua pihak haruslah bekerjasama supaya alam sekitar di negara terjamin dengan kebersihan semula jadi.

ULASAN 4



Belajar secara kumpulan memberikan suasana belajar yang menyenangkan. Seseorang murid dapat belajar atau membuat ulang kaji dengan perasaan yang ceria tanpa tekanan. Selain itu juga, para murid dapat berkongsi ilmu sesama mereka. Mereka berpeluang untuk bertukar-tukar pendapat dan pandangan tentang pelajaran. Belajar secara kumpulan dapat memupuk semangat kerjasama dalam diri murid di samping dapat menerapkan nilai toleransi. Para murid dapat menyiapkan sesuatu tugas dengan cepat dan berkesan. Kesimpulannya, belajar secara kumpulan merupakan langkah yang bijak bagi murid yang ingin mencapai kecemerlangan.

KARANGAN 1

Amalan menabung perlu dipupuk sejak kecil. Bincangkan faedah-faedah yang diperoleh melalui amalan menabung ini dalam kalangan murid.

Faedah-faedah Menabung

Pengenalan

Menabung merupakan amalan mulia dan perlu diamalkan sejak kecil. Pelbagai faedah dapat dinikmati oleh golongan yang suka menabung. Masa depan terjamin dan tidak menghadapi kesusahan. Justeru, perlu disahut oleh pelbagai lapisan masyarakat di negara kita.

Isi-isi Utama

Amalan menabung mengurangkan sikap boros kepada pelajar. Kita akan berbelanja dengan berhemah kerana lebih wang akan ditabung. Kita juga akan membeli barangan yang perlu sahaja dan tidak membazirkan wang. Kita akan bijak berbelanja dan kadar inflasi negara dapat dikurangkan.

Wang yang ditabung akan dapat mengurangkan beban ibu bapa. Kita dapat membantu untuk membayar yuran dan pelbagai keperluan sekolah. Kita juga mampu membeli barangan atau buku yang dikehendaki oleh guru dengan segera. Ibu bapa akan berasa bangga dan bersyukur mempunyai anak yang sebijak ini.

Amalan menabung juga sebagai persediaan untuk pelajar melanjutkan pelajaran. Kita mampu untuk melanjutkan pelajaran ke IPTA atau ke IPTS. Hal ini demikian kerana kita mampu membayar segala yuran pengajian sepanjang tempoh tersebut. Kita juga tidak terlalu bergantung kepada pinjaman atau biasiswa.

Tabungan boleh dijadikan sumber untuk menambahkan wang yang ada. Kita mampu memasukkan wang itu ke dalam saham-saham amanah yang disediakan. Kita pasti mendapat pulangan yang lumayan pada setiap tahun. Impaknya wang tabungan kita akan sentiasa bertambah dari tahun ke tahun.

Pelajar dapat menggunakan wang tabungan tersebut pada waktu-waktu kecemasan. Contohnya peristiwa yang tidak diduga seperti kemalangan atau penyakit yang berbahaya. Kita juga akan mendapatkan rawatan yang sempurna di hospital kerajaan atau swasta. Justeru, kehidupan para pelajar tidak terjejas.

Penutup

Amalan menabung merupakan amalan yang mulia. Amalan ini perlu disemai dalam kalangan pelajar sejak kecil. Contohnya melalui kempen-kempen dalam media massa atau cetak. Bak kata pepatah sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit.

KARANGAN 2

Cuti persekolahan akan bermula pada minggu hadapan. Pelbagai aktiviti yang menarik yang kamu boleh lakukan pada cuti persekolahan itu. Tulis sebuah karangan tentang aktiviti-aktiviti yang akan kamu rancangkan itu.

Aktiviti Pada Cuti Persekolahan

Pengenalan

Tidak lama lagi cuti persekolahan akan menjelang tiba. Saya tidak sabar-sabar lagi untuk menikmati cuti ini memandangkan peperiksaan UPSR baru sahaja berakhir. Justeru, saya dapat melepaskan tekanan dan merehatkan fikiran setelah begitu lama bergelumang dengan buku-buku pelajaran.

Idea-idea Utama

Saya bercadang untuk menghabiskan cuti ini di kampung halaman saya yang terletak di negeri Perlis. Saya akan mengunjungi datuk dan nenek saya di sana. Saya amat merindui mereka yang mana amat menyayangi saya dengan sepenuhnya.

Saya akan membantu datuk dan nenek saya di dusun mereka. Kebetulan sekarang musim buah-buahan. Saya bercadang untuk menjual buah durian, manggis, langsung dan rambutan seperti mana yang pernah saya lakukan semasa membantu datuk pada cuti-cuti yang sudah.

Pada masa yang sama, saya akan memancing di sebatang sungai berhampiran rumah datuk dan nenek saya. Pelbagai jenis ikan seperti baung, keli, sebarau dan lampam terdapat di dalam sungai tersebut. Masih terbayang betapa seronoknya apabila mata kail direntap oleh ikan-ikan tersebut.

Saya juga berhasrat untuk pergi ke Pulau Langkawi. Dari rumah datuk dan nenek saya, perjalanan hanya mengambil masa dua jam sahaja. Saya bercadang untuk mengunjungi makan Mahsuri, menaiki kereta kabel dan membeli belah di Pekan Kuah.

Penutup

Saya sememangnya tidak sabar-sabar untuk ke sana. Ayah akan membawa kami sekeluarga dengan menaiki kenderaan serbaguna iaitu Toyota Vellfire yang baru dibeli oleh ayah. Pasti perjalanan ke rumah datuk dan nenek akan mencipta memori yang indah buat kami sekeluarga.

KARANGAN 3

Cuti-cuti Malaysia
Cuti sihatkan diri
Meningkat produktiviti
Semua ada di sini

Keluarga mertua gembira
Dibawa cuti bersama
Mari sandarkan rupa
Budaya diperkaya

Dua rangkap di atas merupakan sebahagian daripada lirik lagu Cuti-cuti Malaysia. Lirik lagu tersebut menggambarkan kebaikan melancong di dalam negara. Berdasarkan maksud lirik lagu tersebut, tulis kebaikan melancong di dalam negara. Tulis karangan kamu itu selengkapnya.

Kita sering mendengar lagu Cuti-cuti Malaysia yang disiarkan melalui radio dan televisyen. Senario ini sebenarnya antara promosi untuk menarik para pelancong ke Malaysia. Para pelancong yang datang ke negara kita memberikan pulangan yang lumayan kepada negara.

Antara kebaikan melancong di dalam negara dapat mengurangkan pengaliran mata wang ke luar. Justeru, kerajaan mestilah menggalakkan orang ramai melancong di dalam negeri kerana dapat menguntungkan negara. Pada masa yang sama destinasi pelancongan yang ada di negara kita setaraf dengan destinasi pelancongan di dalam negara.

Pada masa yang sama, destinasi pelancongan negara dapat berkembang dengan pesat. Banyak pusat pelancongan boleh dibuka. Pertumbuhan hotel, chalet dan inap desa turut berkembang. Impaknya dapat menawarkan peluang pekerjaan kepada penduduk di negara kita.

Selain itu, kita dapat mengetahui kebudayaan majmuk yang ada di negara sendiri. Misalnya apabila kita melawat ke Kampung Budaya Sarawak, kita dapat mengetahui suku kaum yang terdapat di negara sendiri.

Akhir sekali, kita dapat merapatkan hubungan antara keluarga. Melancong menjadikan hubungan menjadi rapat kerana ibu bapa dapat meluangkan masa bersama-sama anak mereka. Hal ini demikian kerana mereka amat sibuk dengan pekerjaan masing-masing.

Tuntasnya, melancong di dalam negara amat menguntungkan banyak pihak. Negara memperoleh pulangan yang lumayan manakala masyarakat tutur menerima tempais yang sama. Oleh itu Cuti-cuti Malaysia wajar disambut tidak kira lapisan bangsa dan agama yang pelbagai.